Pengangguran Belia di Malaysia: Perkembangan dan Pertimbangan Dasar

Oleh Dian Hikmah Mohd Ibrahim dan Mohd Zaidi Mahyuddin

Pengenalan

Selepas Krisis Kewangan Global, penduduk dunia terutamanya dari kalangan golongan muda telah menerima kesan yang negatif akibat kemelesetan yang teruk, persekitaran ekonomi yang lembap dan pemulihan yang perlahan serta pertambahan pekerjaan yang agak rendah[1]. Kadar pengangguran belia[2] global meningkat daripada 11.7%, iaitu kadar sebelum krisis pada tahun 2007, kepada 13.1% pada tahun 2009, hingga kadar tertinggi pernah dicapai iaitu 13.2% pada tahun 2013. Kadar ini dianggarkan kekal tinggi pada 13.1% pada tahun 2016. Kadar pengangguran belia adalah kira-kira tiga kali kadar pengangguran orang dewasa, dan lebih dua kali kadar pengangguran global. Angka-angka ini merangkumi lebih 70 juta anak muda di seluruh dunia yang menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerjaan. Pertubuhan Buruh Antarabangsa (International Labour Organisation, ILO) melaporkan bahawa trend pengangguran belia akan meningkat lagi pada tahun 2017, khususnya dalam kalangan negara sedang pesat membangun, selepas pulih sedikit antara tahun 2012 hingga 2015. ILO juga merujuk kajian-kajian yang mendapati bahawa pengangguran belia pada usia muda mempunyai kesan negatif jangka panjang yang serius ke atas pendapatan dan risiko pengangguran pada masa hadapan, terutamanya bagi belia yang menjadi pengganggur sebaik sahaja memperoleh ijazah daripada universiti[3].

Rencana ini akan menerangkan keadaan pengangguran belia di Malaysia dan memberikan gambaran secara menyeluruh langkah-langkah segera dan jangka panjang untuk menangani isu ini. Bahagian I rencana ini membincangkan perkembangan pengangguran belia di Malaysia, khususnya yang berkaitan dengan pengangguran siswazah. Bahagian II akan menerangkan trend ini, dan Bahagian III memberikan beberapa cadangan dasar dengan mengambil pengajaran daripada kisah kejayaan negara lain.

Bahagian I: Keadaan Pengangguran Belia dan Kebimbangan yang Semakin Meningkat terhadap Pengangguran dalam Kalangan Siswazah di Malaysia

Belia di Malaysia tidak terkecuali daripada trend global ini

Kadar pengangguran belia di Malaysia dianggarkan telah mencecah 10.7% pada tahun 2015, tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran negara sebanyak 3.1%. Malaysia tergolong dalam kalangan ekonomi serantau[4] yang mengalami pengangguran belia pada kadar dua angka, meskipun kadar pengangguran keseluruhan adalah rendah (Rajah 1 dan 2).

Golongan belia merupakan lebih separuh daripada jumlah pekerja yang menganggur, meskipun hanya mewakili satu pertiga daripada jumlah tenaga kerja (Rajah 3). Pada tahun 2015, kadar pengangguran belia meningkat 1.2 mata peratusan daripada 9.5% kepada 10.7%, manakala kadar pengangguran negara hanya meningkat 0.2 mata peratusan (2.9% kepada 3.1%) dalam tempoh yang sama (Rajah 4). Pengangguran belia semakin meningkat dalam tempoh kebelakangan ini kerana kadar pengambilan pekerja yang menurun sejak akhir tahun 2014. Sentimen perniagaan yang berhati-hati dan prestasi ekonomi yang makin sederhana telah menghalang sektor perniagaan daripada menambah bilangan pekerja mereka. Golongan belia merupakan golongan yang paling mudah terjejas oleh trend ini; kumpulan ini mungkin merupakan kumpulan terakhir yang diambil bekerja tetapi yang pertama akan diberhentikan[5], disebabkan

---

[1] Scarpetta et. al 2010. Rising Youth Unemployment during the Crisis: How to Prevent Negative Long-term Consequences on a Generation?

[2] Dalam rencana ini, 'belia' merujuk penduduk, tenaga kerja dan pekerja yang bekerja serta menganggur yang berumur antara 15 hingga 24 tahun

[3] ILO 2016. World Employment and Social Outlook: Youth.

[4] Bagi ekonomi ASEAN, kadar pengangguran belia adalah sekitar 12.8% pada tahun 2013, secara kasarnya sama dengan purata global.

[5] OECD 2008. OECD Employment Outlook. Off to a Good Start? Youth Labour Market Transitions in OECD Countries.

kekurangan pengalaman, asimetri maklumat yang lebih tinggi tentang pasaran pekerja, dan kurangnya kemahiran berkomunikasi dengan majikan. Walaupun tumpuan media banyak difokuskan kepada kesukaran pekerja yang diberhentikan kerja, kesan pengambilan pekerja yang semakin perlahan mempunyai impak yang lebih luas kepada ekonomi, dan menjejaskan peluang mendapatkan pekerjaan terutamanya golongan belia dan pencari kerja baharu.

Rajah 1

Kadar Pengangguran Belia Rantau ini pada tahun 2015 (% tenaga kerja belia)



Rajah 2

Nisbah Kadar Pengangguran Belia kepada Kadar Pengangguran Negara tahun 2015 (kali)



Nota: Merujuk data 2013 untuk Indonesia dan Thailand, serta data 2014 untuk Vietnam. Data pengangguran untuk Singapura termasuk golongan berumur 25-29 tahun. Data pengangguran untuk Indonesia termasuk pencari kerja tidak aktif.

Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Kadar Pengangguran Mengikut Kumpulan Umur, 2015 ('000 orang)



Rajah 4

Kadar Pengangguran Lalu, 2000-2015 (% tenaga kerja mengikut kumpulan umur)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Kebolehgajian siswazah semakin membimbangkan di Malaysia dan beberapa negara serantau

Tenaga kerja belia lebih banyak terdiri daripada mereka yang mempunyai pencapaian pendidikan yang lebih rendah[6]. Bagi belia berumur 15-24 tahun, hanya 16% mencapai pendidikan tertiari, manakala baki 84% pencapaian pendidikan paling tinggi bagi mereka ialah peringkat menengah (Profil bagi keseluruhan tenaga kerja: Pendidikan tertiari: 28%; Rendah, menengah dan tiada pendidikan formal: 72%). Yang nyata, belia yang berpendidikan tertiari merupakan kumpulan yang lebih besar dalam kelompok belia yang menganggur (23% daripada jumlah keseluruhan belia yang menganggur, Rajah 5). Apa yang membimbangkan ialah kadar pengangguran dalam kalangan belia yang berpendidikan tinggi adalah lebih tinggi, pada 15.3%, berbanding

[6] Tenaga kerja dibahagikan kepada empat kategori utama berdasarkan pencapaian pendidikan: pendidikan rendah, pendidikan menengah, pendidikan tertiari, dan tiada pendidikan rasmi. Dalam rencana ini, pekerja berpendidikan tertiari juga digelar siswazah.

belia yang tidak berpendidikan tertiari iaitu 9.8%. (Rajah 6; Sila rujuk Rencana Maklumat 'Dapatan Utama daripada Laporan Kajian Pengesanan Siswazah 2015').

Rajah 5

Profil Tenaga Kerja Belia dan Kadar Pengangguran Belia Mengikut Tahap Pendidikan, 2015



Rajah 6

Kadar Pengangguran Mengikut Tahap Pendidikan, 2015



Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa, Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Yang penting, dalam kalangan ekonomi serantau, kadar pengangguran siswazah muda lebih tinggi berbanding dengan bukan siswazah (Rajah 7). Pemerhatian ini jelas berbeza daripada pemahaman ekonomi mengenai peningkatan pulangan pencapaian pendidikan, dan juga bertentangan dengan pengalaman ekonomi maju. Trend ini mungkin berkaitan dengan rantaian bekalan global dan corak pewujudan pekerjaan dalam ekonomi sedang pesat membangun, berbanding dengan ekonomi maju. Setakat ini, tidak banyak penyelidikan yang mendalam dijalankan terhadap faktor yang memacu trend perbandingan pengangguran belia siswazah dengan bukan siswazah dalam ekonomi maju berbanding ekonomi sedang pesat membangun. Perkembangan dalam pengangguran siswazah ini telah menimbulkan beberapa persoalan dasar yang utama berhubung dengan peningkatan kualiti dan kesesuaian sistem pendidikan sebagai persediaan untuk menghadapi industri yang semakin berubah, jenis pekerjaan yang diwujudkan dan kesediaan modal insan, serta langkah-langkah meningkatkan pemadanan dalam pasaran pekerja dan mengurangkan asimetri maklumat tentang keperluan kemahiran oleh industri.

Rajah 7

Perbandingan Kadar Pengangguran Belia Berdasarkan Tahap Pendidikan Mengikut Negara



Sumber: Pertubuhan Buruh Antarabangsa dan anggaran Bank Negara Malaysia

Dapatan Utama daripada Laporan Kajian Pengesanan Siswazah 2015

Kajian Pengesanan Siswazah oleh Kementerian Pendidikan Tinggi adalah bertujuan untuk memantau status siswazah lulusan institut pengajian tinggi enam bulan selepas mereka memperoleh ijazah sama ada graduan ini telah mula bekerja, melanjutkan pengajian atau masih mencari kerja. Pemerhatian dikumpul daripada siswazah universiti awam dan swasta, kolej universiti, politeknik, dan kolej komuniti. Daripada 273,373 siswazah pada tahun 2015, sebahagian besar mempunyai Ijazah Sarjana Muda (45%) dan Diploma (43%). Dalam kalangan semua siswazah, 53% dilaporkan telah mula bekerja, 18% memilih melanjutkan pengajian manakala 24% masih menganggur (Rajah 1). Pemegang Ijazah Sarjana Muda mencatat kadar pengangguran paling tinggi sebanyak 27.9% dalam kalangan siswazah dengan pelbagai kelayakan (Rajah 2). Dari segi bidang pengajian, siswazah dalam bidang *Sains, dan Kesusasteraan dan Sains Sosial* mempunyai kadar pengangguran yang lebih tinggi (Rajah 3). Dari segi pendapatan isi rumah, siswazah daripada isi rumah berpendapatan rendah juga mempunyai kadar pengangguran yang lebih tinggi. Pemerhatian ini nyata bagi semua kelayakan (Rajah 4). Bukti empirikal daripada kajian lain menunjukkan pelbagai sebab, termasuk kesediaan graduan untuk memasuki dunia pekerjaan, peluang pekerjaan yang tidak mencukupi bagi sesetengah bidang, dan implikasi berpanjangan latar belakang sosioekonomi kepada pembelajaran dan peningkatan sosial. Dari segi pendapatan, sejumlah 54% daripada siswazah memperoleh pendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. Gaji permulaan siswazah pada amnya kekal tidak berubah sejak tahun 2007 (Rajah 5 dan 6), meskipun ada sektor tertentu, iaitu industri perkhidmatan kewangan serta minyak dan gas, yang menawarkan gaji yang lebih tinggi pada peringkat kemasukan. Pemerhatian-pemerhatian ini mengundang persoalan lanjut bagi ahli akademik dan pembuat dasar. Penyelidikan yang lebih mendalam adalah wajar untuk mengenal pasti punca pemerhatian ini, dan seterusnya penggubalan tindak balas dasar yang sesuai.

Rajah 1

Graduan Mengikut Status Pekerjaan



*Nota: Termasuk graduan yang menunggu penempatan kerja dan menjalani latihan peningkatan kemahiran

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 2

Kadar Pengangguran Graduan, Mengikut Tahap Pengajian*



*Nota: Kadar pengangguran dinyatakan mengikut peratusan kategori kumpulan masing-masing

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 3

Kadar Pengangguran Mengikut Bidang Pengajian*



*Nota: Kadar pengangguran dinyatakan mengikut peratusan kategori kumpulan masing-masing

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 4

Kadar Pengangguran Graduan Mengikut Kumpulan Pendapatan Bulanan Keluarga*



*Nota: Kadar pengangguran dinyatakan mengikut peratusan kategori kumpulan masing-masing

Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Lebih separuh daripada jumlah graduan mendapat gaji kurang daripada RM2,000 selepas tamat pengajian

Rajah 5

Taburan Bulanan Gaji Graduan



Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gaji permulaan graduan ijazah pertama kekal statik

Rajah 6

Pendapatan Bulanan Purata Berwajaran bagi Graduan Ijazah Pertama, 2007-2015



Sumber: Kementerian Pendidikan Tinggi dan anggaran Bank Negara Malaysia

Bahagian II: Faktor yang Menjadi Punca Pengangguran Belia dan Siswazah yang Tinggi

Ketidakpadanan dalam pasaran pekerja yang berpunca daripada pewujudan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi yang terhad dan bekalan siswazah yang sedia bekerja yang tidak mencukupi

Walaupun tahap pendidikan tenaga kerja semakin tinggi, peluang pekerjaan yang diwujudkan dalam ekonomi Malaysia masih tertumpu pada pekerjaan berkemahiran rendah dan sederhana[7] (Rajah 8). Ini kerana industri dalam negeri masih lagi dalam aktiviti nilai ditambah yang rendah, yang menekankan kecekapan kos dan pergantungan pada tenaga kerja yang murah, dan bukannya menggalakkan aktiviti inovasi sebagai sumber pertumbuhan. Ekonomi Malaysia juga terus berdepan cabaran untuk menarik pelaburan berkualiti tinggi yang boleh mewujudkan lebih banyak pekerjaan bergaji dan berkemahiran tinggi bagi tenaga kerja tempatan[8]. Sementara itu, syarikat-syarikat menyatakan bahawa kurangnya penawaran pekerja berkemahiran tinggi sebagai faktor utama yang menghalang mereka daripada membuat pelaburan dalam aktiviti berkualiti lebih tinggi dalam rantaian nilai[9]. Ketidakpadanan antara pencapaian pendidikan tenaga kerja dengan jenis pekerjaan yang diwujudkan, telah sedikit sebanyak menyebabkan kekurangan permintaan untuk siswazah baharu, seperti ditunjukkan oleh penawaran pekerjaan secara dalam talian (online) yang kekal lembap bagi jawatan peringkat kemasukan untuk siswazah sejak tahun 2012 (Rajah 9).

Pihak majikan terus membangkitkan isu kekurangan kemahiran yang ketara dalam kalangan pekerja baharu. Kaji selidik yang dijalankan Bank Dunia dan TalentCorp[10] mendapati bahawa 90% daripada syarikat percaya bahawa siswazah universiti sepatutnya menjalani lebih banyak latihan industri sebelum mendapat ijazah, dan 81% daripada syarikat yang dikaji menganggap kemahiran berkomunikasi sebagai kekurangan utama dalam kalangan siswazah. Kebimbangan tentang kebolehgajian dan keupayaan menyesuaikan diri siswazah sering

[7] Lim P.J. 2016. Malaysia's Labour Market and Job Creation under the Economic Transformation Plan (ETP) 2011 to 2015.
[8] Nixon et. al 2017. Fostering inclusive growth in Malaysia.
[9] OECD 2013. Investment Policy Review on Malaysia.
[10] World Bank 2014. Malaysian Economic Monitor. Boosting Trade Competitiveness.

dikaitkan dengan keadaan sistem pendidikan negara, dan sistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (*technical and vocational education and training,* TVET)[11]. Walau bagaimanapun, kurangnya penglibatan industri dalam pembangunan modal insan juga telah menyumbang kepada kekurangan program latihan yang benar-benar berkesan bagi pekerja. Kaji selidik TalentCorp yang sama mendapati 53% daripada syarikat tidak pernah menggunakan khidmat pusat kerjaya semasa mengambil pekerja. Oleh itu, walaupun golongan belia mungkin kurang mempunyai kemahiran yang diperlukan, program latihan yang berkesan dan berguna bagi mempersiapkan mereka untuk pekerjaan juga tidak disediakan (Rajah 10).

Rajah 8

Peningkatan Bersih Pekerjaan Mengikut Tahap Pendidikan dan Tahap Kemahiran, 2001-2015



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 9

Pekerjaan Baharu yang Diiklankan di JobStreet.com Mengikut Jawatan, 2012-2016



Sumber: JobStreet.com dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rajah 10

Dapatan Kaji Selidik Bank Dunia dan TalentCorp

Syarikat berpendapat graduan baharu tidak bersedia untuk bekerja...	...bagaimanapun kerjasama antara syarikat dengan universiti adalah terhad
90% Syarikat berpendapat lebih banyak latihan praktikal perlu disediakan untuk graduan.	**50%** Syarikat tiada program latihan industri berstruktur
80% Syarikat berpendapat kurikulum universiti tidak mencerminkan realiti semasa.	**53%** Syarikat tidak pernah menggunakan khidmat pusat kerjaya
81% Syarikat menilai kemahiran komunikasi sebagai kekurangan utama dalam kalangan graduan.	**kurang daripada 10%** Syarikat berpengalaman membangunkan kurikulum ataupun program dengan universiti

vs.

Sumber: Kaji selidik Bank Dunia - TalentCorp mengenai Kebolehgajian Graduan

Bahagian III: Pelarasan dasar adalah perlu untuk memperlengkap generasi muda menghadapi cabaran masa hadapan

Pada peringkat global, masalah pengangguran belia bukan merupakan isu yang baharu. Walau bagaimanapun, perkembangan sosioekonomi kebelakangan ini telah memburukkan lagi keadaan tersebut. Pada masa depan, perkembangan berkembar pengangguran belia yang tinggi dan berterusan serta ketaksamaan pendapatan yang

[11] OECD 2013. Structural Policy Country Notes on Malaysia.

semakin meningkat mungkin mengekang mobiliti sosial dan membawa kepada rasa lebih tidak berpuas hati dalam kalangan masyarakat[12]. Di Malaysia, keadaan ini telah pun menyumbang kepada fenomena penghijrahan tenaga kerja mahir Malaysia ke negara maju dan negara jiran[13]. Jika keadaan ini dibiarkan, generasi belia yang tersisih dari segi ekonomi mungkin akan mendatangkan kesan rumit yang negatif dan meluas terhadap landskap ekonomi dan sosial. Dalam masa terdekat, golongan belia perlu menghadapi pengaturan ekonomi yang memerlukan mereka lebih berdikari, lebih-lebih lagi dengan penggantian pekerjaan (*job displacement*) dengan adanya kesalinghubungan yang lebih luas seiring dengan kemajuan teknologi yang pesat. Oleh itu, perumusan dasar hendaklah dijuruskan ke arah menyediakan generasi muda untuk berdepan dengan cabaran ini.

Pertama, usaha menangani punca masalah hendaklah dijadikan agenda tetap negara. Pendidikan berkualiti, termasuk sektor TVET yang berkesan, adalah penting dalam pembangunan modal insan. Matlamat ini ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015-2025), yang menggariskan strategi wajar untuk mentransformasi sistem pendidikan negara, memperkasa institusi pengajian tinggi dengan autonomi dan tanggungjawab untuk melahirkan siswazah yang cekap teknologi dan serba boleh, serta menambah baik kualiti sektor TVET negara. Bagi belia khususnya, hasil penyelidikan menunjukkan bahawa akses kepada latihan vokasional yang lebih banyak, berkait rapat dengan kadar pengangguran belia yang lebih rendah[14]. Di Jerman, Sistem Dwilatihan Vokasional Teknikal (*Dual Vocational Technical Training System*) memadankan perantis daripada sekolah vokasional dengan syarikat untuk menggabungkan pengalaman pembelajaran berasaskan kerja bagi menyediakan mereka untuk alam pekerjaan. Sistem ini dikatakan sebagai penyumbang utama kepada kadar pengangguran belia di negara tersebut berada pada tahap yang rendah.

Kedua, usaha menggalakkan kolaborasi industri yang bermakna dalam pendidikan dan latihan adalah penting dalam pembangunan komuniti selain memupuk tenaga kerja yang bersemangat dan bertenaga untuk memenuhi keperluan industri kini dan akan datang. Platform yang dibiayai dengan baik dan berkesan diperlukan dalam usaha ke arah menawarkan latihan berkualiti tinggi dan menggalakkan pembangunan tenaga kerja. Platform sebegini merintis jalan kepada Kerajaan, industri dan sektor pendidikan serta latihan untuk (i) berunding dan membangunkan kurikulum dan latihan bagi memenuhi keperluan kemahiran industri, dan (ii) menyokong secara aktif pelaksanaan dan usaha peningkatan yang berterusan. Di Australia, Jawatankuasa Industri dan Kemahiran menjadi platform rasmi bagi pemimpin industri memainkan peranan aktif dalam hala tuju dasar dan proses membuat keputusan bagi sektor TVET. Ini termasuk perumusan pakej latihan yang berdasarkan maklumat berkaitan dengan jurang kemahiran pasaran pekerja dengan keperluan industri.

Ketiga, infrastruktur keselamatan sosial yang komprehensif perlu dibangunkan, termasuk mereka bentuk dasar pasaran pekerja yang aktif (*active labour market policies*, ALMP) yang khususnya menyasarkan golongan belia, serta pekerja yang dipindahkan atau digantikan. Objektif serampang dua mata ALMP adalah untuk (i) menambah peluang pekerjaan dan (ii) memperbaik padanan pekerja dengan pekerjaan. Walaupun masih pada peringkat awal, Malaysia menunjukkan peningkatan positif, dengan pengumuman Skim Insurans Pekerjaan (SIP), dalam Bajet 2015. SIP dijangka menjadi program yang holistik, dengan program ALMP sebagai ciri utamanya, termasuk perkhidmatan kaunseling kerjaya dan skim latihan. Pada peringkat global, tidak banyak ALMP yang disasarkan khusus untuk menambah baik kebolehgajian belia, walaupun golongan ini mudah terjejas apabila berlakunya kemerosotan dan krisis ekonomi. Namun, beberapa negara, terutamanya Sweden dan Finland, telah memperluas infrastruktur keselamatan sosial dengan menjalankan eksperimen menggunakan langkah dasar seperti Skim Jaminan Belia. Di bawah skim-skim tersebut, Perkhidmatan Pekerjaan Awam menyediakan penilaian keperluan peribadi dan pelan pekerjaan, dan menjamin penempatan tempat kerja kepada belia dengan memadankan mereka dengan pekerjaan, pengajian akademik atau vokasional, atau program latihan untuk meningkatkan kebolehgajian dan keusahawanan. Proses pemadanan kerja boleh terus dimudahkan oleh penggunaan teknologi, seperti yang ditunjukkan oleh penawaran kerja melalui aplikasi berasaskan telefon pintar dan laman sesawang yang popular seperti Switch dan LinkedIn, yang menjadi antara

[12] OECD 2011. Social Cohesion in Southeast Asia.
[13] World Bank 2011. Malaysian Economic Monitor. Brain Drain.
[14] Banerji et. al 2014. Youth Unemployment in Europe: Searching for Solutions.

saluran utama bagi pencari kerja untuk memaklumkan tentang kemahiran mereka kepada bakal majikan dan juga bagi majikan yang mencari pekerja[15].

Keempat, pelaksanaan berhemat pelbagai rangka tindakan dan program juga penting, bersama-sama struktur tadbir urus yang berfungsi dengan baik, pengawasan yang berkesan dan penambahbaikan inisiatif secara aktif. Satu bahagian penting daripada persoalan itu ialah maklumat dan statistik yang diyakini tentang kemajuan program, skim dan bantuan latihan tertentu serta prestasi institusi pendidikan dan latihan. Pada masa ini, kurangnya statistik pasaran pekerja, terutamanya pewujudan pekerjaan, pusing ganti pekerja dan trend pengambilan pekerja merupakan cabaran yang besar kepada pembuat dasar. Untuk mencapai matlamat ini, Kerajaan sedar akan perlunya mewujudkan Biro Statistik Pasaran Pekerja Malaysia[16] yang akan banyak membantu memastikan pembangunan penunjuk yang lebih kerap dan diyakini tentang trend pasaran pekerja dan makroekonomi. Hal ini penting bagi perancangan dan pemantauan kemajuan pembangunan modal insan dan dasar pasaran pekerja bagi memudahkan proses merumuskan dasar yang responsif, berdasarkan kajian dan tepat pada masanya.

Akhirnya, dan dalam lingkungan jangka masa lebih panjang, dasar untuk menangani isu pengangguran belia perlu dikaji semula dari semasa ke semasa. Dasar berkaitan isu ini hendaklah fleksibel dan pantas serta responsif terhadap pasaran pekerja akan datang yang sedang berkembang pesat. Ini termasuk dasar dan program khusus untuk memupuk budaya keusahawanan dan inovasi, menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat serta menambah baik kesesuaian tenaga kerja dengan perubahan arus industri. Pelan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang diumumkan baru-baru ini melakarkan hala tuju negara untuk 30 tahun akan datang selepas tahun 2020, dan menetapkan visi baharu buat negara, dengan tumpuan pada aspirasi belia.

[15] Thomas 2016. Huffington Post. 2016 Best Career Apps and Websites to Land Your Dream Job.
[16] Kementerian Kewangan Malaysia 2016. Touch Points bagi Bajet 2017.

Rujukan

Banerji, A., S. Saksonovs, H. Lin, and R. Blavy. 2014, 'Youth Unemployment in Advanced Economies in Europe: Searching for Solutions.' IMF Staff Discussion Note, Washington DC.

Kementerian Kewangan Malaysia 2016. Touch Points on the 2017 Budget. https://www.pmo.gov.my/bajet2017/TouchPointsBudget2017.pdf. Accessed January 2017.

Lim, P. J. 2016, 'Malaysia's Labour Market and Job Creation under the Economic Transformation Plan (ETP) 2011 to 2015.' Penang Institute Research Paper, Penang.

Nixon, S. Asada, H., and Koen, V. 2017, 'Fostering Inclusive Growth in Malaysia.' OECD Economics Department Working Papers, No. 1371, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

Organization for Economic Cooperation and Development (OECD) 2008. 'Off to a Good Start? Youth Labour Market Transitions in OECD Countries.' OECD Employment Outlook, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

_____2011. 'Social Cohesion in Southeast Asia.' Document from Seminar co-organised by the OECD Development Centre, the Ministry of Foreign Affairs of Thailand, King Prajadhipok's Institute and the Office of the National Economic and Social Development Board of Thailand. https://www.oecd.org/dev/48923362.pdf. Accessed January 2017.

_____2013. 'Structural Policy Challenges for Southeast Asian Countries: Malaysia.' OECD Southeast Asian Economic Outlook 2013: With Perspecctives on China and India, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

_____2013. Investment Policy Reviews: Malaysia. Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

_____ 2016. World Employment and Social Outlook: Youth. Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

Scarpetta, S., Sonnet A., and Manfredi T. 2010. 'Rising Youth Unemployment during the Crisis: How to Prevent Negative Long-term Consequences on a Generation?' OECD Social, Employment and Migration Papers, No. 106, Paris: Organization for Economic Cooperation and Development.

Thomas, S. '2016 Best Career Apps and Websites to Land Your Dream Job.' Huffington Post. http://www.huffingtonpost.com/sherri-thomas/2016-best-career-apps-and_b_9125474.html. Accessed February 2017.

World Bank (WB) 2011. 'Brain Drain.' Malaysian Economic Monitor, Bangkok: World Bank Office.

_____2014. 'Boosting Trade Competitiveness.' Malaysian Economic Monitor, Bangkok: World Bank Office.